


■ "Saya tidak mahu filem kita terus dicemuh..."



■ "Ada pengusaha tak bertanggungjawab..."

Filem: Undang2 perlu

JAUH pandangan matanya. Dan, mungkin sejauh itu fikirannya sedang menerawang. Muram ketara di wajahnya.

Tapi, kemudian ia senyum tipis. Perbuatan bersambung, berkisar dari satu ke satu tajuk lain.

Air di gelas sudah tinggal baki. Disedarinya, lalu ia beroleh dari kerusinya, mengambil beberapa kotak minuman dan bungkusan biskut.

Benarlah, Jins tidak kekak hidup berseorangan, malah senang dengan keadaannya begitu.

Dia tidak banyak soal, walau semuanya harus diruskan sendiri.

Dia paling tenang bila ditanya tentang perjuangannya di dunia perfileman. Kegigihannya memberi tenaga. Fikirannya sedikit sebanyak telah memberi cahaya untuk filem Melayu kembali gemilang.

Kerdipan cahaya itu terserlah dengan lahirnya "Menanti Hari Esok" yang mengubah bentuk dan teknik ke era baru, terlepas luputnya kegemilangan filem Melayu, dulu.

"Seboleh-bolehnya saya tidak mahu filem kita terus dicemuh dan dihantam, dengan kritik-kritik yang membintakan. Tetapi, mungkinkah dapat dielakkan bila hingga hari ini, ada antara pengusaha filem yang tidak bertanggungjawab? Orang buat filem, mereka pun buat filem, sebab mereka banyak wang. Dan mereka lakukan secara suka-suka sahaja yang "Bila seharusnya setiap pengeluar atau penerbit filem menjadi pemikir dan bukan mengusahakan filem

Fokus: JINS SHAMSUDIN

Bagian kedua dan akhir

Dia sungguh kagum mendapati setengah negara kenakan undang2 ketat terhadap pengusaha.



■ "Setiap penerbit harus pemikir..."

'Saya telah bincang dgn Datuk Seri Dr. Mahathir, nampaknya dia setuju beberapa cadangan saya.'

Oleh NOR AINI SULONG, foto: ANUAR HASHIM

sekarang untuk main-main dan mencuba saja?

"Setiap penerbit atau pengeluar filem sehansanya ialah pemikir yang membela masyarakat dan menegakkan industri filem Melayu."

"Walaupun, timbul di kalangan kita orang-orang yang tidak jujur dengan hasrat kita untuk menajuk mutu filem Melayu. Mereka buat saja filem yang diagakkan mengunggulkan, tanpa peduli samada cerita itu baik atau sebaliknya untuk masyarakat, tanpa mengira samada filem itu memberi gambaran yang baik kepada penonton, yang mungkin orang luar."

"Mereka ini, tidak peduli itu semua. Yang

penting, asalkan filem itu mendapat sambutan.

"Ibukah tanggungjawabnya kepada penonton? Menghibur sambil memperbodoh mereka dengan menyogokkan filem-filem yang tidak bermutu, komedi yang hampa?"

"Pada saya, kalangan demikian ialah orang-orang bodoh. Sampai bila harus dibuat filem begitu?"

Jins tidak takut mendedahkan kebenaran. Apa saja yang difikirkan baik, dihidirkan terangerangan. Di luarnya, meski itu akan melukai hati orang lain, menjangkakan hubungannya dengan seseorang.

"Apakah berpuas-pura itu baik? Saya tidak suka. Mungkin akan menyakiti itu kelemahan

saya. Tidak. Saya yakin saya melakukan sesuatu yang baik pada diri saya." Kata-katanya tegas dan meyakinkan.

"Dalam soal menubuhkan syarikat filem, bukan semua orang yang terlibat dalam sesebuah firma itu tahu apa dia selok-belok filem. Pendek kata, ada yang baru-bekal sekali dua, tahu-tahu sudah jadi pengarah filem."

"Dengan kecetekkan pengalaman itu, mungkinkah mereka menghasilkan filem yang baik?"

"Sekiranya dalam satu syarikat itu hanya seorang yang begitu, sudah cukup untuk mearahkan sebuah filem. Bagaimana kalau dua, lima atau sepuluh orang?"

Dia begitu kagum dengan apa yang dilakukan di setengah-setengah negara. Mengadakan undang-undang ketat ke atas pengusaha filem. Hasilnya, filem yang dikeluarkan nyata mencapai tahap mutu tertinggi, kalau pun tidak di sisi komersyil.

Di Indonesia, misalnya, setiap syarikat filem disyaratkan membari nama-nama yang terlibat menajukkan filem itu. Tidak ada orang baru yang dibenarkan mengetahui pembikinan sesebuah filem. Mereka hanya boleh menjadi pembantu.

Di Amerika pula, ada "Trust Law"nya. Setiap pengeluar filem, diharuskan mempunyai pawagamnya sendiri.

"Saya telah membincangkannya dengan Datuk Seri Dr. Mahathir. Nampaknya dia bersetuju dengan beberapa cadangan saya. Syukurlah, dia rupanya memberi perhatian yang serius juga," katanya.

Menurut Jins, di sini, jika pengeluaran filem dalam setahun dapat dihalang ke paras tertentu, dan dielakkan filem-filem yang tidak berkualiti, itu sudah cukup sebagai langkah awal menapak ke arah kejayaan memarkankan kembali filem-filem Melayu.

PKFN, kata Jins, penting sekali memaiknkan perannya di sini. Seperti mengadakan jawatankuasa yang dianggotai oleh orang-orang yang tahu selok-belok bidang perfileman. Bersedia menentang kesempurnaan hak mereka. Bukan berpandangan seseorang itu "ada nama". Dan ia mesti cukup bertengga pula."

Apakah sumbangan Jins untuk masa akan datang?

"Seperti yang saya lakukan kini. Dan, saya berunggu-sungguh. Tapi, saya tidak bekerja sampai mati. Saya tidak mungkin berbuat demikian. Saya bahagikan kehidupan saya kepada tiga peringkat. Berkalah, bekerja dan menikmati hari-hari tua dengan aman."

Dan Jins menyambung: "Saya pun ada anak." Lantas, mengeluarkan foto terbaru Jefri Zain. "Berakhlak, bekerja dan menikmati hari-hari tua yang kunjungan anaknya yang paling akhir dan menghubungkan anak itu ketika masih dalam pemeliharaan."

Dari ceritanya, sesungguhnyanya Jins juga adalah ayah yang penyayang. ■